

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA**
MERICAN [KEPALA BATAS]
TARIKH : **25 NOVEMBER 2019**

SOALAN NO. 12

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran sampai bilakah Kerajaan mampu untuk menggunakan skim pencen kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan adakah terdapat skim yang lebih baik berbanding skim pencen untuk menanggung pesara-pesara Kerajaan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

1. Pada waktu ini, Kerajaan masih mampu dan tidak berhasrat untuk menghapuskan skim pencen penjawat awam yang sedia ada.
2. Pada tahun 2006, perbelanjaan faedah persaraan (pencen, ganjaran, GCR dan kemudahan perubatan percuma) adalah sebanyak RM5.86 bilion telah meningkat kepada RM23.87 bilion pada tahun 2018. Jumlah ini dijangka akan meningkat setiap tahun. Kerajaan penuh sedar, kemampuan Kerajaan untuk membiayai faedah persaraan adalah bergantung kepada sumber pendapatan Kerajaan.
3. Setakat ini, cadangan mekanisme baharu Skim Pencen Perkhidmatan Awam masih dalam peringkat kajian dan sedang diperhalusi di bawah Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam. Langkah pelaksanaan yang sesuai juga sedang dikaji dan diteliti oleh pihak Kerajaan bertujuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan dan memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terjamin.

Sekian, terima kasih.